

# Jambatan lambang tautan dua benua

BH - 8/8/2007

## Kesanggupan China beri pinjaman Jambatan Kedua Pulau Pinang bukti keakraban

Oleh Fazli Abdullah

**H**ASIL gabungan kepakaran tempatan dan syarikat terkemuka China dalam bidang pembinaan jambatan, empangan dan tambakan laut, Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mula dibina November ini, disifatkan projek mempererat hubungan Malaysia-China yang sudah lama terjalin.

Kumpulan UEM dan China Harbour Engineering Company Ltd (China Harbour) yang diberi tanggungjawab membina jabatan sepanjang 23 kilometer, termasuk 17 kilometer di atas permukaan laut akan merealisasikan pembinaan jambatan yang menjadi mercu tanda baru kepada negara, terutama Pulau Mutiara menjelang tiga atau empat tahun lagi.

Kerajaan memutuskan pembinaan jambatan dengan kos RM3 bilion itu selepas mengambil kira Jambatan Pulau Pinang dan perkhidmatan feri tidak mampu menampung pertumbuhan kenderaan berikutan pembangunan pesat dan peningkatan aktiviti ekonomi di utara Semenanjung, terutama Pulau Pinang yang akan menjadi hab logistik bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Melihat kepada keadaan semasa dan akan datang, pembinaan jambatan menghubungkan Batu Kawan di Seberang Prai dan Batu Maung di bahagian pulau sememangnya di nanti-nantikan bukan saja bagi memenuhi keperluan 1.4 juta penduduk Pulau Pinang, malah untuk kepentingan ekonomi, sosial dan juga politik negara.

Sekiranya pembinaan Jambatan Pulau Pinang pada awal 1982 mendapat bantahan warga Pulau Pinang dengan pelbagai alasan, termasuk menyebabkan kesesakan di pulau, kali ini pengumuman kerajaan mendapat sokongan padu daripada rakyat.

Warga Pulau Pinang sedar bahawa jambatan sedia ada dibina syarikat Korea, Hyundai Engineering & Construction Co Ltd, dan dibuka pada 1985, yang kini dilalui kira-kira 120,000 kenderaan sehari, sudah mencapai kapasiti maksimum. Mereka tidak sanggup lagi berasak-asak setiap hari di atas jambatan pada waktu puncak. Mereka juga sedar jambatan kedua amat penting bukan saja untuk berulang-alik, tetapi sebagai pemangkin pembangunan.

Bagi melaksanakan projek yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi bukan saja di Pulau Pinang, tetapi juga utara Perak, kerajaan melantik Kumpulan UEM bagi membina, mengurus, mengendalikan dan menyenggara. Pembinaan jambatan itu akan dilakukan menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Pelantikan Kumpulan UEM kerana sya-

### INFO

#### Jambatan Kedua Pulau Pinang

- Mula dibina November ini dan disifatkan projek mempererat hubungan Malaysia-China.
- Kumpulan UEM dan China Harbour Engineering Company Ltd (China Harbour) yang diberi tanggungjawab membina jabatan sepanjang 23 kilometer, termasuk 17 kilometer di atas permukaan laut dengan kos RM3 bilion.
- Pembinaan Jambatan Kedua akan menghubungkan Batu Kawan di Seberang Prai dan Batu Maung di bahagian pulau.
- Kerajaan China melalui China Exim Bank membiayai kos pembinaan jambatan RM2.7 bilion dengan kadar faedah tiga peratus.
- China Harbour memberi jaminan membawa sebahagian daripada pekerja Jambatan Sutong dan JiMei untuk membina Jambatan Kedua Pulau Pinang.

rikat itu yang juga pemegang konsesi bagi jambatan sedia ada, mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pembinaan prasarana seumpamanya. Kumpulan UEM tidak berseorangan melaksanakan projek mega itu kerana bekerjasama dengan syarikat terkemuka China.

Menerusi kerjasama itu, Kerajaan China melalui China Exim Bank membiayai kos pembinaan jambatan sebanyak AS\$800 juta (RM2.7 bilion) dengan kadar faedah tiga peratus menerusi pinjaman mudah untuk tempoh 20 tahun, sekali gus menjadikan pembiayaan terbesar pernah diberikan republik itu kepada negara lain.

Kerjasama dua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi kedua-dua negara untuk melaksanakan projek itu mempunyai makna cukup besar bagi hubungan Malaysia-China yang terjalin sejak 1970-an iaitu pada era pentadbiran Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Kesanggupan China memberi pinjaman begitu besar kepada sebuah negara luar dan penerimaan Malaysia untuk membenarkan kerjasama syarikat tempatan dengan syarikat asing dalam projek yang begitu strategik, membuktikan keakraban hubungan kedua-dua negara.

Ini bermakna, laluan dirintis Tun Razak yang menjadikan Malaysia negara pertama

di rantau Asia Tenggara mengadakan hubungan diplomatik dengan republik itu pada 1970-an, terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk kebaikan bersama.

Pemilihan China Harbour yang tersenarai dalam Fortune 500 selaku rakan kongsi dalam pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang tidak perlu dicurigai kerana syarikat itu mempunyai pengalaman cukup luas dan pakar dalam pembinaan jambatan, pengorekan dan tambakan laut, kejuruteraan marin dan peralatan pelabuhan, malah sudah membina lebih 100 jambatan di China menggunakan teknologi moden yang selamat daripada bencana alam seperti gempa bumi.

Reputasi China Harbour cukup tinggi dan syarikat itu berjaya membuktikan kepakaran membina jambatan kedua terpanjang di dunia iaitu Jambatan Donghai di Shanghai, China. Jambatan sepanjang 32.5 kilometer itu yang siap pada Disember 2005, menghubungkan Nanhui, Shanghai dengan Pelabuhan Laut Dalam Yangshan yang terletak di Pulau Yangshan.

Syarikat itu juga sedang membina Jambatan Sutong sepanjang 32.4 kilometer yang menghubungkan Suzhou dan Nantong di China. Apabila siap akhir tahun depan, ia akan menjadi jambatan kabel terpanjang di dunia. China Harbour juga sedang membina Jambatan JiMei di Xiamen sepanjang 10 kilometer yang dijangka siap tahun depan.

Apa yang menarik, teknologi pembinaan Jambatan Sutong dan JiMei, akan digunakan dalam pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kedua-dua jambatan itu dibina dengan menggunakan kaedah pembuatan lantai konkrit yang pendek sebelum dipasang membentuk jambatan, terbukti menjimatkan masa serta kualiti terjamin.

Lantai konkrit dibina di daratan sebelum diangkut untuk pemasangan. Jambatan JiMei dan Sutong, masing-masing membabit-

kan sembilan dan dua saluran pembuatan lantai konkrit, manakala Jambatan Kedua Pulau Pinang memerlukan enam saluran.

China Harbour juga memberi jaminan akan membawa sebahagian daripada pekerja Jambatan Sutong dan JiMei yang mempunyai kepakaran tinggi untuk membina Jambatan Kedua Pulau Pinang.

"Kaedah ini membolehkan pembinaan jambatan dilakukan dengan cepat dan pemantauan kualiti senang dilakukan. Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah jambatan pertama di luar China (dibina China Harbour) yang akan menggunakan kaedah ini," kata Pengurus Bahagian Maklumat, Jabatan Pemasaran China Harbour, Ma Jie dalam taklimat kepada wartawan Malaysia di Shanghai, baru-baru ini.

Kerjasama itu juga membolehkan syarikat dari China membuka mata banyak pihak terhadap keupayaan, pengalaman dan teknologi republik berkenaan dalam membangunkan projek bertaraf dunia.

Meskipun China Harbour sudah diberi kepercayaan membina jambatan di luar negara seperti Jambatan Rama VIII di Thailand serta melaksanakan beberapa projek di Asia Barat, pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang amat penting kerana mampu melonjakkan lagi nama syarikat itu di perisai dunia.

Selain manfaat bakal diraih China Harbour, kerjasama yang julung kali antara syarikat itu dengan Kumpulan UEM, turut mendatangkan faedah kepada Kumpulan UEM dari segi pemindahan teknologi dan kepakaran.

Kumpulan UEM wajar mengambil kesempatan daripada kerjasama itu, tambahan lagi hubungan dijalin dalam pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah satu permulaan bagi satu perjalanan yang lebih panjang pada masa depan.



BERI KEMUDAHAN: Replika Jambatan Kedua Pulau Pinang yang mula dibina November ini.